



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 10(1) 2024

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Kefahaman Ayat al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz

(The Understanding of Quranic Verses among Tahfiz Students)

Mohd Hakim Mothar Rijan^{1*}, Mohd Asmadi Yakub¹, Ahmad Rozaini Ali
Hassan²

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia
²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 32610 Seri Iskandar, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 1 October 2023

Accepted 11 March 2024

Published 23 April 2024

Keywords:

comprehension
al-Quran verses
tahfiz students

Katakunci:

kefahaman
ayat al-Quran
pelajar tahfiz

DOI:

10.24191/jcis.v10i1.7

ABSTRACT

Understanding the verses of the Quran is an essential requirement in learning the Quran. It is particularly relevant to students of tahfiz al-Quran who often immerse themselves in memorizing and reciting the Quran. However, the aspect of understanding the verses of the Quran is given less attention in their learning, with much emphasis placed solely on memorization. This study is to examine the importance of understanding the verses and to analyse its application among tahfiz students. The study was carried out qualitatively by looking at past studies, authoritative books and the views of Islamic scholars. The result of this study reveals the significance of understanding the verses of the Quran is an essential element in learning and appreciating the Quran, especially for those who memorize the Quran. However, the aspect of understanding the verses is still not given sufficient attention in tahfiz learning. The study suggests more detailed studies be conducted in the future to improve the element of understanding in learning tahfiz al-Quran. The study anticipates providing important information in empowering and enhancing learning methods in Tahfiz institutions across the country.

ABSTRAK

Kefahaman ayat al-Quran merupakan tuntutan yang penting dalam pembelajaran al-Quran. Ianya dilihat lebih dekat dengan pelajar tahfiz al-Quran yang sering mendampingi dan menghafaz al-Quran. Walau bagaimana pun elemen kefahaman ayat al-Quran kurang diberi perhatian dalam pembelajaran mereka dan banyak tertumpu kepada hafazan

^{1*} Corresponding author. E-mail address: hakimkuim@gmail.com
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i1.7>

semata-mata. Kajian dijalankan bagi mengkaji kepentingan kefahaman ayat dan menganalisis pengamalannya dalam kalangan pelajar tahfiz. Kajian dijalankan berbentuk kualitatif dengan melihat pada kajian-kajian lepas, kitab-kitab muktabar dan pandangan ulama Islam. Hasil dapatan kajian, berdasarkan tinjauan kajian-kajian yang lepas, pengkaji menemukan kepentingan kefahaman ayat al-Quran sebagai elemen yang penting dalam pembelajaran dan penghayatan al-Quran lebih-lebih lagi kepada penghafaz al-Quran. Elemen kefahaman ayat-ayat al-Quran ini masih kurang diberi perhatian dalam pembelajaran tahfiz. Kajian mencadangkan agar kajian yang lebih terperinci dijalankan akan datang bagi menambahkan elemen kefahaman dalam pembelajaran tahfiz al-Quran. Kajian berharap dapat memberi maklumat penting dalam memperkasa dan menambah baik kaedah pembelajaran di institusi Tahfiz di negara ini.

PENGENALAN

Al-Quran merupakan mukjizat teragung yang diturunkan kepada umat manusia serta wahyu dari Allah SWT sebagai panduan hidup sejak dari zaman dahulu lagi hinggalah ke hari kiamat. Al-Quran merupakan kitab sumber ilmu yang sangat luas yang mempunyai penerangan secara tersurat mahupun tersirat. Memahami kandungan dan makna-makna al-Quran merupakan satu jalan yang perlu dicapai oleh setiap insan agar perjalanan hidup dapat mencapai keredhaan Allah SWT. Penjelasan ini telah difirmankan oleh Allah SWT di dalam al-Quran sendiri (Surah Şād: 29) iaitu:

كُتِبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبْرَكًا لِيَذَّبُوا عَنْ آيَاتِهِ ۖ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ

(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu Wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.

Para sahabat Rasulullah SAW adalah generasi al-Quran terbaik yang menterjemahkan al-Quran dalam kehidupan mereka. Mereka adalah golongan yang memahami setiap tuntutan dan pengamalan al-Quran dari pembacaan, pemahaman dan perlaksanaannya tambahan mereka juga menyaksikan proses penurunan wahyu bersama Rasulullah SAW. Kini, umat Islam mendepani cabaran dalam melahirkan generasi al-Quran disebabkan tempoh yang jauh dari zaman mereka iaitu lebih 1400 tahun yang lalu. Sayyid Qutb (1994) telah menulis dalam kitabnya *Maa'lim fi al-Tariq* bahawa generasi al-Quran hanya akan dapat diwujudkan kembali dengan melaksanakan tiga langkah seperti yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dan generasi sahabat terdahulu. Langkah-langkah tersebut ialah:

Pertama: Umat Islam perlu mencintai al-Quran dan menjadikannya sebagai satu-satunya sumber rujukan dalam kehidupan. Ini bermakna, al-Quran harus ditanam dalam hati dan fikiran, serta menjadi roh dalam setiap nafas kehidupan.

Kedua: Umat Islam hendaklah memiliki ketaatan yang tidak berbelah bagi terhadap perintah-perintah Allah dalam al-Quran. Al-Quran mestilah dipelajari tidak hanya untuk menjadi bahan kajian dan diperdengarkan bacaan semata-mata, tetapi benar-benar untuk dilaksanakan. Sayyid Qutb menjelaskan, al-Quran perlu disatukan dalam jiwa raga umat Islam dan diamalkan dalam kehidupan mereka. Al-Quran tidak sepatutnya hanya tersimpan dalam karya-karya ilmiah semata-mata, tetapi ia mesti difahami dan diamalkan.

Ketiga: Umat Islam hendaklah meninggalkan jahiliah moden termasuk cara hidup serta pemikirannya. Oleh itu tuntutan al-Quran perlu dilaksanakan dengan sebaiknya bagi mengelakkan kejahilan tersebut dan

meletakkan umat Islam di landasan yang betul sejajar dengan perkembangan kemajuan dan perubahan zaman.

Pendidikan Tahfiz al-Quran merupakan salah satu proses awal dalam pembentukan generasi al-Quran. Pendidikan Tahfiz di Malaysia adalah antara aliran pendidikan yang mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat. Sambutan yang menggalakkan itu mendorong pihak kerajaan mahupun swasta untuk membangunkan sekolah dan institusi tahfiz di negara ini. Fenomena ini berlaku didorong oleh krisis permasalahan akhlak yang berlaku dalam masyarakat. Sayyid Qutb telah mengusulkan agar pembentukan generasi al-Quran yang unggul perlu diusahakan bagi menangani masalah dalam masyarakat ketika itu. Generasi al-Quran unggul yang dimaksudkan merujuk kepada generasi yang menjadikan al-Quran sebagai sumber rujukan dalam pelbagai bidang kehidupan serta mengamalkan al-Quran dalam kehidupan seharian.

Salah satu usaha besar negara dalam mengembangkan bidang tahfiz al-Quran ini dengan penubuhan Darul Quran, JAKIM. Penubuhan Darul Quran bermula pada tahun 1966 apabila Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj melahirkan hasrat untuk mewujudkan sebuah Institut Pengajian al-Quran di Malaysia. Hasrat ini telah dinyatakan sewaktu perasmian Masjid Negara di mana idea ini timbul ekoran daripada Musabaqah Al-Quran yang diadakan semenjak tahun 1960 serta lawatan Rektor Universiti Al-Azhar Sheikh Mahmud Syaltut di perasmian Masjid Negara tersebut (Sambutan Jubli Emas Darul Quran, 2016).

LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Bagi mencapai apa yang dihasratkan oleh kerajaan dalam memperkasa pendidikan Tahfiz, antara elemen penting yang perlu diperkasakan adalah penguasaan pelajar dalam memahami dan mentadabbur al-Quran. Menurut Imam Nawawi keperluan membaca al-Quran dengan tadabbur merupakan antara adab dalam pembacaan al-Quran (Al-Nawawi, 2015). Memahami ayat al-Quran yang telah dihafaz adalah menjadi tuntutan yang besar bagi para penghafaz al-Quran disebabkan golongan ini sering melazimi pembacaan al-Quran dan sering mendampingi.

Menurut Yusof al-Qaradawi (2006) kefahaman al-Quran sesudah menghafaznya adalah penting kerana itulah tujuan al-Quran diturunkan untuk difahami dan diamalkan. Selain itu, Muhammad al-Ghazali (1996) juga tidak bersetuju jika pendidikan al-Quran hanya mementingkan hafazan semata-mata tanpa mengambil kira kefahaman dan kandungan al-Quran. Beliau juga berpendapat pendidikan al-Quran perlu digabungkan dengan pemahaman makna dan penghayatan terhadap isi kandungannya. Keperluan membaca al-Quran dengan tadabbur merupakan antara adab yang penting dalam pembacaan al-Quran.

Sebahagian masyarakat Islam kini dilihat mempunyai kefahaman yang kurang tepat terhadap pembelajaran al-Quran kerana cukup sekadar mengenal huruf dan boleh membacanya sahaja. Kefahaman terhadap isi kandungan al-Quran tidak menjadi keutamaan apabila dengan beranggapan sudah selesai dengan membacanya sehingga tamat. Tidak kurang juga ada yang menganggap al-Quran hanya membacanya dalam majlis-majlis tertentu sahaja dan bertujuan mendapatkan keberkatan dan pahala semata-mata. Terdapat juga segelintir yang mengabaikan penghayatan dan pemahaman isi kandungan sebenar yang sepatutnya menjadi rujukan, ikutan dan panduan dalam kehidupan. Oleh yang demikian, umat Islam tidak dapat menghubungkait kehidupan harian mereka dengan panduan al-Quran kecuali dalam urusan tradisi yang dikaitkan dengan Islam seperti urusan perkahwinan serta pengurusan jenazah dan lain-lain. Akibatnya wujud anggota masyarakat yang berbangga kerana pernah belajar membaca dan menghafaz al-Quran sedangkan dalam kehidupan harian sama ada percakapan, tindakan, akhlak dan penghayatan bertentangan dengan ajaran al-Quran (Ahmad, 2000).

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, kerajaan mewujudkan program Diploma Tahfiz yang dijalankan di bawah Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan institut pengajian tinggi swasta.

Silibus pembelajaran meliputi pelbagai subjek wajib dan pilihan yang perlu diambil bagi memenuhi syarat pengiktirafan. Pelajar bebas menghafaz menggunakan kaedah sendiri dan perlu menghabiskan sukatan hafazan 30 juzuk dalam masa enam semester. Pembahagian dibuat sama rata iaitu perlu menghafaz sebanyak lima juzuk al-Quran dalam masa kira-kira lima bulan setiap semester. Hafazan perlu diperdengarkan di hadapan guru dari mula hingga tamat keseluruhan hafazan tersebut.

Walau bagaimanapun, kaedah pembelajaran yang diamalkan dan sukatan pembelajaran di institusi-institusi tahfiz pelbagai peringkat secara umumnya dilihat tertumpu kepada hafazan sahaja dan masih kurang dari sudut penguasaan memahami ayat-ayat yang dihafaz. Kaedah-kaedah dan silibus pembelajaran dilihat juga kurang memberi kepentingan dan tumpuan dari sudut penguasaan makna-makna dan intipati al-Quran. Ia disokong melalui kajian Hashim et al. (2013) mendapati pemahaman ayat-ayat al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz di tahap rendah biarpun telah berkebolehan menghafaz al-Quran.

Perlaksanaan kurikulum di institusi-institusi tahfiz secara umum menumpukan terhadap proses menghafaz al-Quran sebanyak 30 juz serta kurang menitikberatkan kefahaman ayat-ayat yang dihafaz. Ia dapat dilihat berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Hashim et al. (2013) terhadap 11 buah institusi tahfiz yang melaksanakan kurikulum tahfiz Darul Quran, JAKIM. Dapatan kajian mendapati bahawa kaedah kefahaman ayat kurang diberi perhatian sama ada pelajar ataupun guru. Tiada silibus pembelajaran yang holistik dalam membantu pelajar memahami makna-makna ayat melainkan subjek Tafsir al-Quran yang menyentuh hanya sebahagian sahaja topik-topik dalam kandungan al-Quran. Pembelajaran lanjutan bagi menguasai makna-makna ayat al-Quran secara menyeluruh juga dilihat tiada dalam silibus pembelajaran.

Guru atau pembimbing kurang memberi penekanan dan penjelasan terhadap kepentingan menghayati dan memahami ayat dalam menghafaz al-Quran. Aspek penerapan nilai dan elemen tadabbur berteraskan al-Quran dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran juga kurang dititikberatkan. Kenyataan ini juga disokong melalui kajian Hashim (2010) yang mendapati kaedah menerangkan makna kalimah, menghuraikan maksud ayat, menerangkan asbab nuzul dan menghuraikan kefahaman ayat amat kurang diberi perhatian oleh guru atau pembimbing. Oleh yang demikian, matlamat dan objektif pendidikan tahfiz tidak akan tercapai sekiranya kaedah kefahaman ayat atau metod tadabbur tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Kesedaran terhadap kepentingan menguasai kefahaman ayat di kalangan pelajar juga masih rendah. Kaedah pemahaman ayat boleh dilaksanakan dengan melihat terjemahan al-Quran atau tafsir-tafsir yang bersesuaian dalam proses menghafaz al-Quran. Secara umumnya kurikulum tahfiz yang dilaksanakan lebih menumpukan kepada kelancaran dan ingatan bacaan al-Quran berbanding meneroka kefahaman al-Quran dan penerapan nilai melalui ayat yang dibaca. Oleh itu, penguasaan makna-makna ayat yang lemah dilihat menjadi antara punca lemahnya pencapaian prestasi pelajar. Perkara ini dibuktikan dengan kajian Jemali dan Hafiz (2005), hasil kajian mendapati pelajar tahfiz yang lemah sebahagian dari mereka tidak memahami maksud ayat yang dihafaz dan hanya bergantung pada arahan guru dalam menghafaz. Penguasaan makna-makna ayat dilihat dapat mempengaruhi prestasi pelajar dalam pembelajaran mereka.

Penguasaan makna-makna ayat yang dihafaz mempunyai pengaruh dan hubungan dalam peningkatan prestasi pelajar. Menurut Jemali dan Hafiz (2005) penguasaan makna-makna ayat al-Quran merupakan salah satu faktor pendorong kecemerlangan prestasi pelajar dalam hafazan al-Quran. Pelajar yang lemah dari segi hafazan juga didapati kurang terlibat dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang berkaitan dengan kefahaman ayat al-Quran bersama guru.

Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat perbezaan antara pelajar yang memahami makna ayat al-Quran dengan yang tidak memahaminya. Pelajar yang cemerlang mempunyai kaedah pembelajaran berstrategi dengan mampu menguasai cara sebutan dan tajwid dengan betul, memahami terjemahan ayat al-Quran, memahami maksud cerita yang dihafaz dan mampu mengaitkan kefahaman dan analisis ayat yang dihafaz di samping menjaga adab-adab penting dalam mengafaz al-Quran. Adapun pelajar yang lemah kebanyakannya menggunakan pendekatan sama dan mendatar (*surface*) semasa hafazan, kurang daya usaha

sendiri, kurang memberi tumpuan dalam hafazan serta tidak memahami terjemahan dan maksud ayat yang dihafaz (Jemali & Hafidz, 2003).

Penguasaan terhadap kefahaman ayat al-Quran menjadi faktor utama dalam pengaplikasian tuntutan pengamalan al-Quran dalam kehidupan. Al-Quran perlu difahami dengan jelas ayat-ayatnya dalam menjamin kesahihan amalan serta tidak terpesong dari kehendaknya sebenar. Bagi pelajar yang menghafaz al-Quran, pemahaman terhadap ayat yang dibaca dilihat dapat memberi kesan ingatan yang lebih kuat dan mampu membentuk sahsiah dan peribadi yang lebih baik. Kaedah pembelajaran yang lebih efektif dan berkesan perlu dibina dan diterapkan dalam memenuhi tuntutan-tuntutan al-Quran serta membentuk peribadi unggul yang sebenar.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Hashim et al. (2013) terhadap 11 buah institusi tahfiz yang melaksanakan kurikulum tahfiz Darul Quran, JAKIM mendapati bahawa kaedah kefahaman ayat kurang diberi perhatian sama ada pelajar ataupun guru. Guru kurang memberi penekanan dan penjelasan terhadap kepentingan menghayati dan memahami ayat dalam menghafaz al-Quran. Oleh yang demikian, matlamat dan objektif pendidikan tahfiz tidak akan tercapai sekiranya kaedah kefahaman ayat atau metod tadabbur tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Oleh itu, penekanan terhadap penguasaan al-Quran secara holistik amat dituntut terutamanya penguasaan makna-makna dan intisari kandungan ayat al-Quran. Kajian perlu dijalankan bagi melihat kepentingan kefahaman ayat-ayat al-Quran dan pengamalannya dalam pembelajaran pelajar-pelajar tahfiz al-Quran.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan berbentuk kualitatif dengan menganalisis data-data secara ringkas. Data-data diperolehi daripada sumber al-Quran, kitab-kitab para ulama dan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan dalam bidang yang berkaitan.

TINJAUAN LITERATUR

Terdapat kajian-kajian terdahulu yang telah meninjau kepentingan elemen kefahaman al-Quran yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji. Kajian dibahaskan sama ada dalam bentuk kajian kefahaman, tadabbur mahupun kaedah pembelajaran.

Kajian yang dijalankan oleh Jafri et al. (2018) menumpukan kepada Tadabbur al-Quran yang merupakan proses interaksi terhadap al-Quran yang bersifat universal. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti keutamaan amalan tadabbur al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz. Kajian ini adalah kajian kualitatif berbentuk analisis dokumen secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara amalan tadabbur dengan hafazan al-Quran khususnya dalam bab kefahaman makna ayat. Secara keseluruhannya, tadabbur al-Quran mampu memberikan impak yang positif kepada pelajar tahfiz daripada sudut pemahaman, penghayatan serta pengamalan terhadap ayat-ayat al-Quran.

Kajian yang dilaksanakan oleh Yahaya et al. (2019) menganalisa persepsi pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Sains Selangor berkaitan tadabbur al-Quran. Dapatan kajian mendapati pelajar sedar akan kepentingan mentadabbur al-Quran. Di samping itu pelajar juga berusaha untuk terus menghayati dan berusaha untuk memahami ayat al-Quran. Maka jelas membuktikan kesan dari mentadabbur al-Quran ini mampu menaikkan motivasi pelajar dalam menghafaz al-Quran dan menuntut ilmu. Seterusnya dapat merealisasikan matlamat dan objektif pendidikan tahfiz demi melahirkan huffaz yang cemerlang.

Kajian yang dilakukan oleh Manaf et al. (2015). Kajian menilai keberkesanan kaedah kefahaman makna ayat al-Quran berbantuan al-Quran terjemahan makna ayat al-Quran dan mengenalpasti hubungan antara kefahaman makna ayat dengan tahap pengekalan hafazan pelajar. Kajian menggunakan empat instrument kajian iaitu Ujian Hafazan, Ujian Kefahaman Makna, pemerhatian berstruktur dan temu bual separa berstruktur.

Kajian dilakukan oleh Baharudin dan Sahad (2020) menganalisis salah satu kaedah menghafaz Al-Quran dengan cara memahami makna dalam institusi pengajian Tahfiz di Alor Setar, Kedah. Kajian ini bertujuan untuk mengenai pasti sejauh mana kaedah hafazan dengan memahami makna digunakan dalam institusi pengajian tahfiz di Alor Setar. Metode kuantitatif digunakan dengan mengedarkan borang kajian soal selidik kepada 300 orang pelajar tahfiz. Pengkaji menggunakan Teknik Pensampelan Rawak Berstrata bagi memilih pelajar tahfiz secara rawak daripada 8 institusi pengajian tahfiz.

Hasil kajian mendapati, terdapat empat sistem pengajian Tahfiz al-Quran di Alor Setar iaitu sistem tahfiz ala India dan Pakistan, sistem tahfiz ala Al-Azhar, sistem tahfiz Integrasi Sains dan sistem tahfiz Turki. Hasil kajian juga mendapati keempat-empat sistem daripada institusi pengajian tersebut menunjukkan min sederhana dan peratus rendah bagi kaedah hafazan dengan memahami makna. Nilai min sederhana ini menunjukkan pelajar tahfiz masih mempunyai kelemahan untuk memahami al-Quran. Oleh itu, pelajar tahfiz perlu menggunakan kaedah hafazan dengan menggunakan kurikulum tafsir untuk mencapai objektif pengajian Al-Quran.

Kajian yang dilakukan oleh Husin et al. (2021) bertujuan meneroka kepentingan skemata Arab Dalam Meramal pencapaian hafazan melalui kefahaman al-Quran. Kajian dijalankan berbentuk kuantitatif dengan menyelidik pengaruh skemata bahasa Arab terhadap pencapaian hafazan dalam kalangan pelajar tahfiz yang mempunyai latarbelakang bahasa Arab. Dapatan Kajian menunjukkan bahawa skemata bahasa Arab mempunyai kesan langsung dan tidak langsung terhadap pencapaian hafazan melalui kefahaman al-Quran.

Kajian yang dilakukan oleh Ikhwanuddin dan Hashim (2014) bertujuan untuk mengenal pasti kaedah yang paling biasa digunakan oleh responden dalam menghafal al-Quran, untuk menganalisis perbezaan skor peperiksaan penghafaz al-Quran berdasarkan jantina dan mengkaji hubungan antara skor responden untuk menghafaz Tafsir dan al-Quran. Hasil kajian menunjukkan bahawa empat teknik menghafal iaitu Wahdah, Kitabah, Sima'i, dan Jama diterapkan oleh responden, kaedah yang paling biasa adalah kaedah Wahdah. Kajian ini mendapati perbezaan yang signifikan dalam skor peperiksaan untuk menghafal al-Quran antara responden lelaki dan wanita. Ia juga mendapati bahawa hubungan antara skor responden untuk Tafsir dan skor untuk menghafal al-Quran adalah signifikan secara statistik. Kajian ini menyimpulkan bahawa dengan mempelajari Tafsir, Huffaz dapat meningkatkan pemahaman Al-Quran yang seharusnya menjadi tujuan utama dalam menghafal teks tersebut. Huffaz seharusnya tidak hanya berharap memperoleh penghargaan ketika membaca Al-Quran tetapi juga dapat menerapkan ajaran dari wahyu dalam kehidupan sehari-hari.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji kepentingan kefahaman ayat al-Quran bagi pelajar tahfiz al-Quran.
2. Menganalisis pengamalan kefahaman ayat al-Quran dalam kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah kepentingan kefahaman ayat al-Quran bagi pelajar tahfiz al-Quran.
2. Bagaimanakah pengamalan kefahaman ayat al-Quran dalam kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran.

DAPATAN DAN ANALISA

1. Kewajipan Terhadap Al-Quran

Menurut Muhsin (2017) terdapat lima perkara yang menjadi kewajipan terhadap al-Quran iaitu mendengar, tilawah, menghafal, tadabbur dan beramal serta berhukum dengannya. Beramal dengan al-Quran merupakan natijah daripada tadabbur manakala melalui mendengar, tilawah dan menghafal al-Quran merupakan proses menuju kepada tadabbur. Tadabbur adalah elemen yang penting dalam pembelajaran al-Quran lebih-lebih lagi dalam konteks menghafal al-Quran. Antara faktor yang menyumbang kepada keperluan tadabbur terhadap pelajar tahfiz adalah:

Mendengar al-Quran dengan Konsentrasi

Mendengar al-Quran sehingga terkesan di hati adalah tanda tadabbur terhadap al-Quran. Jika dibacakan al-Quran, kita dituntut untuk diam dan mendengarnya dengan penuh perhatian. Mendengar dengan teliti dan penuh konsentrasi adalah amalan yang membantu untuk memperkukuhkan hafazan melalui pancaindera pendengaran. Kajian Musliza et al. (2016) menyatakan bahawa gaya pembelajaran pelajar tahfiz adalah berasaskan elemen VARK iaitu visual (penglihatan), audio (pendengaran), reading (pembacaan) dan kinesthetic (pergerakan). Ini menunjukkan bahawa elemen pendengaran adalah salah satu gaya dalam pembelajaran tahfiz. Di samping itu, melalui aktiviti mendengar al-Quran ia mampu meningkatkan konsentrasi terutamanya dalam pembelajaran (Al-Lahim & Ar-Ruwaisiyid, 2016). Konsentrasi adalah penting dalam konteks pelajar tahfiz kerana aktiviti menghafal al-Quran memerlukan kepada daya fokus yang tinggi.

Menjaga Setiap Huruf al-Quran semasa Tilawah

Tilawah adalah elemen dalam tadabbur al-Quran yang membawa pembacanya kepada ketelitian dalam pembacaan al-Quran. Al-Lahim dan al-Ruwaisiyid (2016) menjelaskan bahawa kunci tadabbur itu ada bacaan yang tartil. Penelitian ketika membaca al-Quran adalah dengan menjaga setiap huruf supaya dibaca dengan tertib dan tajwid yang betul. Tilawah al-Quran diperlukan ketika proses menghafal al-Quran dan ia termasuk dalam aspek berkaitan neurologi yang juga merupakan strategi dalam pembelajaran tahfiz (Zakiah & Zarirrudin, 2016).

Sehubungan dengan itu, penyertaan tadabbur ketika tilawah al-Quran adalah perbuatan yang membantu dalam berhati-berhati ketika mengalunkan bacaan al-Quran. Sekiranya sebutan dalam bacaan al-Quran tidak dilafazkan dengan tepat, ia sudah menunjukkan bahawa tadabbur tidak berlaku kerana salah sebutan menyebabkan kesalahan pada makna serta tiada berlaku penelitian dalam pembacaan. Oleh itu, tadabbur al-Quran membantu pembaca untuk sentiasa ingat dan sedar supaya menjaga setiap sebutan daripada huruf al-Quran.

Memahami Ayat yang dibaca dan dihafaz

Hakikat tadabbur berlaku semasa proses faham terhadap ayat-ayat al-Quran (Sin & Yusoff, 2012). Kaedah kefahaman merupakan kaedah yang membantu dalam menghafal dan mengukuhkan hafazan kerana dengan memahami maksud ayat dan makna kalimat pelajar akan dapat menumpukan perhatian terhadap ayat yang dihafal semasa amalan *takrar* (Hashim et al., 2014). Oleh itu, usaha tadabbur al-Quran membantu pelajar tahfiz terutama dalam proses memahami ayat al-Quran.

Menghayati dan Merasa Khusyuk dalam Pembacaan

Kesan daripada tadabbur al-Quran adalah menimbulkan penghayatan dan kekhusyukan dalam pembacaan al-Quran. Menurut Sin dan Yusoff (2012) membaca dengan penuh penghayatan hati berada dalam tahap awal dalam proses tadabbur dan ia berlaku ketika seseorang membaca dengan hati atau ketika meneliti penulisan ayat pada mushaf al-Quran. Keadaan ini selari dengan kaedah pembelajaran tahfiz yang memerlukan penambahbaikan khususnya dalam kaedah tadarus hafazan untuk pengukuhan kesahihan bacaan (Hashim et al., 2014). Oleh itu, tadabbur al-Quran membantu pelajar tahfiz dalam mengukuhkan hafazan mereka.

Beramal dengan Wahyu

Zakaria et al. (2015) menyatakan bahawa beramal dengan isi kandungan al-Quran berserta perintah daripada Allah SWT merupakan salah satu objektif utama al-Quran diturunkan. Beramal dengan al-Quran juga adalah natijah tadabbur al-Quran iaitu satu proses yang menyedarkan untuk menterjemahkan ayat-ayat yang dibaca dan dihafal dalam kehidupan. Faktor yang menyumbang kepada perkembangan institusi tahfiz juga adalah untuk melahirkan huffaz profesional yang mempraktikkan segala yang dipelajari dan menyumbang bakti dalam kalangan masyarakat (Yusoff et al., 2018). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa elemen tadabbur al-Quran adalah praktikal yang signifikan dalam rangka meningkatkan kualiti dan mutu pelajar tahfiz untuk menyumbang tenaga dan bakti terhadap masyarakat yang memerlukan bimbingan terutama ilmu al-Quran.

2. Kelebihan Memahami Al-Quran

Memahami al-Quran mempunyai kelebihan yang tersendiri dalam proses berinteraksi dengan al-Quran. Antara kelebihan memahami al-Quran terhadap pelajar tahfiz adalah:

Meningkatkan Kualiti Hafazan

Institusi tahfiz kini berkembang seiring dengan penambahbaikan dalam proses pembelajaran tahfiz. Terdapat banyak pusat tahfiz yang menawarkan pembelajaran bukan sekadar menghafal al-Quran sahaja malah disertakan dengan pembelajaran yang lain. Kualiti hafazan pelajar merupakan perkara yang memerlukan perhatian pelbagai pihak untuk melahirkan generasi al-Quran yang akan menjadi tonggak utama negara di masa hadapan (Anuar, 2018). Amalan tadabbur adalah inisiatif sendiri yang boleh dipraktikkan oleh pelajar ketika menghafal al-Quran dan ia mampu membantu dalam meningkatkan kualiti hafazan terutama dalam aspek pemahaman dan praktikal terhadap ayat al-Quran.

Memberikan Daya Fokus yang Lebih Tinggi

Apabila seseorang membaca al-Quran secara bertadabbur, hatinya akan menjadi tenang dan perasaan khusyuk dapat dirasainya (Zakaria et al., 2018). Hati yang lapang dan khusyuk melambangkan penumpuan hati dan fikiran terhadap sesuatu perkara. Dalam proses pembelajaran tahfiz, talaqqi, iadah, pengujian mingguan, penulisan ayat dan pemahaman ayat merupakan kaedah yang kurang dipraktikkan (Jamalil et al., 2017). Proses-proses tersebut memerlukan kepada daya fokus yang tinggi supaya perkara tersebut dapat dipraktikkan dengan baik. Maka dengan itu, elemen tadabbur adalah elemen yang boleh membantu pelajar tahfiz dalam menumpukan perhatian mereka terhadap proses pembelajaran tahfiz yang lebih efisien.

Meningkatkan Kefahaman terhadap Makna Ayat

Pembelajaran al-Quran yang tidak disertai dengan kefahaman makna adalah satu kerugian walaupun hanya dengan menghafal sahaja kerana hafazan yang disertai kefahaman ayat yang dihafal mampu mengekalkan ingatan terhadap ayat hafazan dalam tempoh masa yang lama (Musliza et al., 2016). Oleh yang demikian,

wasilah tadabbur adalah perkara yang signifikan untuk diaplikasikan sekali bersama proses menghafal ayat al-Quran.

Meningkatkan Spiritual Yang Positif

Tadabbur al-Quran memberikan kesan yang baik terhadap jiwa manusia. Karakteristik pelajar tahfiz melalui sudut kesediaan spiritual merupakan sebahagian daripada asas penting dalam pencapaian hafazan al-Quran (Zakiah & Zarirrudin, 2016). Oleh itu, tadabbur al-Quran membantu dalam peningkatan pencapaian tahfiz menerusi aspek kesediaan spiritual.

Persediaan Menghadapi Realiti Kehidupan

Perkara utama yang perlu diketengahkan dalam isu tahfiz adalah kualiti para huffaz (Ahmad, 2015) iaitu para huffaz perlu berdepan dengan persepsi masyarakat yang memandang tinggi golongan penghafal al-Quran untuk pelbagai aspek kemahiran dalam bidang al-Quran. Realiti persepsi masyarakat terhadap golongan penghafal al-Quran adalah tinggi kerana mereka adalah generasi harapan untuk mengemudi negara di masa hadapan kelak. Peringkat tertinggi dalam amalan tadabbur adalah beramal dengan saranan al-Quran. Para huffaz yang mempunyai tadabbur yang tinggi terhadap al-Quran mampu menzahirkan peranan mereka daripada sudut amalan dalam konteks kehidupan seharian mahupun dalam kalangan masyarakat. Inilah realiti yang perlu ditempuh oleh seorang yang bergelar huffaz al-Quran.

Bagi mencapai hasrat tersebut, umat Islam perlulah menyelami dan mentadabbur al-Quran melalui belajar membaca, menghafaz, memahami serta mengamalkannya. Sebahagian besar umat Islam termasuk di Malaysia mempunyai kefahaman yang keliru terhadap pembelajaran al-Quran kerana cukup sekadar mengenal huruf dan boleh membacanya sahaja. Kefahaman terhadap isi kandungan al-Quran tidak menjadi keutamaan apabila dengan beranggapan sudah selesai dengan membacanya sehingga tamat. Tidak kurang juga hanya menganggap al-Quran hanya sekadar mendapatkan pahala semata-mata dengan mengabaikan penghayatan dan pemahaman isi kandungan sebenar yang sepatutnya menjadi rujukan, ikutan dan panduan dalam kehidupan. Oleh yang demikian umat Islam tidak dapat menghubungkan kehidupan harian mereka dengan panduan al-Quran kecuali dalam urusan tradisi yang dikaitkan dengan Islam seperti urusan perkahwinan serta pengurusan jenazah. Hasilnya lahirlah anggota masyarakat yang berbangga kerana pernah belajar membaca dan menghafaz al-Quran sedangkan dalam kehidupan harian sama ada percakapan, tindakan dan akhlaknya bertentangan dengan ajaran al-Quran (Ahmad, 2000).

Berdasarkan analisis literatur yang dibuat, terdapat 2 dapatan yang menjelaskan akan kepentingan elemen kefahaman dalam pembelajaran tahfiz al-Quran dan pengamalannya di institusi-institusi pengajian.

3. Kepentingan Kefahaman Ayat Al-Quran Bagi Pelajar Tahfiz Al-Quran

Dapatan kajian menunjukkan terdapat kepentingan yang besar dari aspek kefahaman ayat al-Quran bagi pembelajaran tahfiz al-Quran. Ia disokong oleh nas-nas al-Quran dan tuntutan-tuntutan yang di huraikan oleh para ulama dan pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Antaranya menurut Yusof al-Qaradawi (2006), beliau berpendapat ramai dalam kalangan pendidik Islam masa kini sangat mengambil berat terhadap hafazan al-Quran. Mereka mementingkan pendidikan hafazan al-Quran kepada anak-anak sejak usia kecil, akan tetapi tidak mengambil berat terhadap kefahaman al-Quran. Tujuan al-Quran ialah untuk difahami dan diamalkan. Selain itu, Muhammad al-Ghazali (1996) juga tidak bersetuju jika pendidikan hafazan al-Quran hanya mementingkan hafazan semata-mata tanpa mengambil kira kefahaman dan kandungan al-Quran. Beliau juga berpendapat pendidikan hafazan al-Quran perlu digabungkan dengan pemahaman makna dan penghayatan terhadap isi kandungannya.

Pengamalan kefahaman ayat al-Quran dalam kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran

Pengamalan elemen kefahaman ayat dalam kalangan pelajar tahfiz di lihat masih rendah. Aspek penerapan kefahaman dan elemen tadabbur berteraskan al-Quran juga kurang dititikberatkan dalam kurikulum tahfiz al-Quran sebagaimana kajian Hashim (2010) yang mendapati kaedah menerangkan makna kalimah, menghuraikan maksud ayat, menerangkan asbab nuzul dan menghuraikan kefahaman ayat amat kurang diberi perhatian oleh pensyarah. Kenyataan ini disokong oleh Abu al-Wafa (1999) bahawa dengan mengetahui makna ayat yang dihafaz dan mengetahui asbab nuzul akan membantu pelajar dalam menghafaz dan meyakinkan ingatan. Dalam erti kata lain, kurikulum tahfiz yang dilaksanakan lebih menfokuskan kepada kelancaran dan ingatan bacaan al-Quran berbanding meneroka kefahaman al-Quran dan penerapan nilai melalui ayat yang dibaca.

KESIMPULAN

Golongan penghafaz al-Quran merupakan aset negara dan umat Islam yang sering berdamping dengan al-Quran secara melazimi membaca dan menghafaznya. Proses penjagaan hafazan al-Quran dilaksanakan sepanjang hayat demi menjaga ketulenan al-Quran dan keasliannya yang merupakan wahyu dan mukjizat terbesar nabi Muhammad SAW kepada seluruh umat. Antara perkara yang perlu diberi perhatian dalam melaksanakan tuntutan al-Quran adalah dari segi aspek kefahaman dan penguasaan makna terhadap ayat-ayat al-Quran yang telah dihafaz. Penerapan elemen kefahaman al-Quran dalam proses pembelajaran tahfiz dilihat amat penting dalam proses berinteraksi dengan al-Quran. Walau bagaimanapun, elemen kefahaman ini masih kurang diberi perhatian dalam pembelajaran tahfiz al-Quran. Oleh itu, kajian perlu dijalankan dengan lebih mendalam bagi melihat sejauhmana penerapan kefahaman ayat-ayat al-Quran dilaksanakan dalam pembelajaran tahfiz.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, dan mengucapkan terima kasih kepada semua pengarang di atas usaha dan idea dalam menghasilkan artikel ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Pengarang tidak mempunyai konflik kepentingan kepada mana-mana pihak, individu atau pertubuhan dari segi kewangan dan kepentingan lain dalam penulisan ini.

SUMBANGAN PENULIS

Pengarang pertama merangka dan menulis keseluruhan manuskrip. Pengarang kedua dan ketiga membuat semakan akhir, sebelum kesemua pengarang bersetuju menghantar manuskrip bagi tujuan penerbitan.

RUJUKAN

- Abu Al-Wafa, Aliyallah Ali. (1999). *Al-Nur al-mubin lithahfiz al-Quran al-Karim*. Kaherah: Darul Wafa'.
- Ahmad, Mohd Yusof. (2000). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Ahmad, N. (2015). *Memperkasa Darul Quran ke arah Memartabat Pendidikan Tahfiz di Malaysia*.

- Al-Ghazali, Muhammad (1996). *Bagaimana Berinteraksi dengan al-Quran*, Terj. Muhammad Rivai Batubara, Selangor: Budaya Ilmu.
- Al-Lahim & Ar-Ruwaisid. (2016). *Panduan Tadabbur al-Quran*. Solo: Kiswah Media Very Julianto
- Al-Nawawi. terj. Hakim Rosly. (2015). *Adab Berdamping dengan al-Quran*. Kuala Lumpur. PTS Publishing House.
- Al-Qaradawi (2006). *Kaifa Hataamul Ma'a al-Quran al-Azhim*. Dar al-Syuruq: al-Qaherah Mesir. Hlm 132
- Anuar, K. (2018). *Majlis syuyukh dalam memperakukan tahap profesionalisme hafiz al-Quran. Ke arah pengiktirafan huffaz di Malaysia*. Centre of Quranic Research (CQR) University Malaya.
- Baharudin, M. S. and Sahad, M. N. (2020). *Analysis of Al-Quran Memorization Method by Understanding the Meaning in Tahfiz Education Institutions in Alor Setar Kedah*. *QURANICA -International Journal of Quranic Research*, 12(1).
- Hashim, A., Tamuri, A.H & Jemali, M. (2013). *Latar Belakang guru tahfiz dan amalan teknik pengajaran tahfiz al-Quran di Malaysia*. *The Online Journal of Islamic Education* 1(1).
- Hashim, A., Tamuri, A.H., Jemali, M & Noh, C.A. (2014). *Kaedah pembelajaran tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar*. *Journal of al-Quran and Tarbiyyah*.
- Hashim, Azmil. (2010). *Penilaian pelaksanaan kurikulum tahfiz al-quran di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Husin, Z., Mustapha, N.F., Maming, R.T.H., Alias, M dan Ismail, M.Z. (2021). *Kepentingan Skemata Arab Terhadap Kefahaman al-Quran dan Pencapaian Hafazan*. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 18, no. 1 (January) 2021.
- Ikhwanuddin, M. dan Hashim, Che Noraini. (2014). *Relationship between Memorization Technique Mastery of the Arabic Language and Understanding of the Quran*. *IIUM Journal of Education Studies* 2: 2 (2014).
- Jafri, M.T.M., Saad, M.F.M., Mohamad, S. (2018). *Keutamaan Amalan Tadabbur al-Quran terhadap Pelajar Tahfiz*. *Jurnal al-Turath*. Vol 3. No. 2. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Jamalil, M., Mohamad, S., Zarina, T.I. dan Hafizi, N. (2017). *Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz al-Quran di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*.
- Jemali, M. dan Hafidz, A.S. (2003). *Hubungan antara Kaedah Menghafaz al-Quran dengan Pencapaian Kursus*.
- Jemali. M. dan Hafidz, A.S. (2005). *Hubungan antara kaedah menghafaz al-quran dengan pencapaian kursus tahfiz wa al-Qiraat pelajar semester empat dan lima di Maahad Tahfiz wa al-Qiraat di Perak*. Nilai: KUIM.
- Manaf, A.J.A., Dahalan, S.B. dan Rahim, M.M. (2015). *Keberkesanan Kaedah Kefahaman Makna Ayat al-Quran Berbantuan al-Quran Terjemahan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Hifz al-Quran*. *Jurnal Darul Quran Bil 19*. 2015 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Muhsin, Abdul. (2017). *Mabadi' Tadabbur al-Quran al-Karim*. Riyadh: Al-Dairi al-Syarqi.
- Musliza, N., Basri, M., Ariffin, S. (2016). *Gaya Pembelajaran Pelajar dalam Proses Hafazan dan Kefahaman Makna al-Quran: Satu Tinjauan*.

- Sambutan Jubli Emas Darul Quran. (2016). Kuala Kubu Bharu: Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Sayyid Qutb. (1994). *Petunjuk Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur Crescent News Sdn. Cetakan Kelapan.
- Sin, N.Z.M dan Yusoff, Z.M. (2012). Konsep tadabbur: Suatu Kupasan. International Seminar on al-Quran in Contemporary Society.
- Yahaya, M., Zakaria, R., Haridi, N.M., Pangilun, S. dan Husin, S. (2019). Tadabbur al-Quran: Analisa Terhadap Persepsi Pelajar di Maahad Tahfiz Selangor. Conference: 5th International Seminar on Islamiyat Studies 2019 Hotel Tenera, Bangi.
- Yusoff, Z.M., Naemah, N., ‘Azzah, N., Aini, N., Norhayati dan Ramlan, N. (2018). Trend Masyarakat Terhadap Pendidikan Tahfiz. Ke arah pengiktirafan huffaz di Malaysia. Centre of Quranic Research (CQR) University Malaya.
- Zakaria, R., Hussin, H. dan Rasdi, A. (2015). Tadabbur al-Quran: Syarat Utama yang Diperlukan Untuk Mencapai Objektif al-Quran. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2015 (IRSYAD2015), Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015.
- Zakaria, R., Nazmin, F. dan Anuar, K. (2018). Tadabbur Al-Quran: Implikasinya Dalam Meningkatkan Spiritual Pembaca Al- Quran. <http://journal.kuis.edu.my/qiraat/wpcontent/uploads/2018/05/jurnal-57-71.pdf>
- Zakiah, I. dan Zarirrudin, M. (2016). Memahami Kepentingan Karakteristik Pelajar Tahfiz Terhadap Pencapaian Subjek Hifz al-Quran. *Journal Hadhari*. Penerbit UKM.